

21/07/1997

Membiarkan rasuah menyubur kemungkaran moral masyarakat

Jamhariah Jaafar

SEMUA 12 ahli panel mahu tindakan lebih tegas ke atas rasuah. Malah Presiden Kelab Penyokong Kerajaan (BBC), Ruhanie Ahmad, turut mencadangkan supaya satu panel bebas diwujudkan bagi menjadi pusat perisytiharaan harta bagi semua menteri, Exco kerajaan negeri, ahli Parlimen, ahli dewan undangan negeri dan pegawai kerajaan yang berkuasa.

Ruhanie menakrifkan rasuah sebagai perilaku mungkar manusia yang tipis iman, rendah asas akhlak, daif akal budi dan tidak menghormati serta menjunjung keluhuran undang-undang kerana itu ia tidak sepatutnya dibiar membiak dalam masyarakat yang mengamalkan nilai murni berasaskan agama.

"Ini kerana amalan itu sering berpunca daripada sikap tamak, pilih kasih dan cita-cita melulu demi memenuhi kepentingan individu sama ada dalam mengumpul kekayaan peribadi, memajukan perniagaan atau mencapai aspirasi politik.

"Amalan rasuah yang merebak liar yang lazimnya diiringi kepesatan pembangunan, kemajuan dan modenisasi ekonomi boleh mengancam keselamatan negara, menghancurkan kerajaan, meruntuhkan tamadun dan membinasakan bangsa," katanya.

Beliau berkata, kempen memerangi rasuah sebenarnya bukan sesuatu yang baru terutama dalam Umno, kerana ia mula ditimbulkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sejak 1984.

"Di Perhimpunan Agung Umno 1984, Mahathir memberi amaran bahawa Umno akan menjadi kelab jutawan jika politik wang diterima sebagai satu budaya perjuangan parti. Manakala di perhimpunan 1985, Mahathir menegaskan bahawa kejayaan ekonomi mendorong sesetengah individu mencari `tempat di dalam politik dan kuasa yang kononnya dimiliki oleh orang politik," katanya.

Pendeknya usaha membersihkan rasuah daripada menjadi budaya masyarakat sama gigihnya dengan kerancangan pembangunan yang dirancang begitu rupa untuk kepentingan rakyat.

Ahli Parlimen Parit Sulung itu berkata, daripada hasil kajian yang bukan empirikal terhadap ucapan Mahathir sejak 1982 sehingga sekarang, beliau mendapati bahawa faktor yang menjadi punca kepada amalan politik wang dalam Umno ialah:

- * Bilangan ahli yang semakin besar. Contohnya, pada 1984 Umno mempunyai sejuta ahli dan pada 1994, meningkat kepada lebih dua juta dari 14,000 cawangan.

- * Peningkatan taraf ekonomi. Hakikat ini mendorong segolongan ahli baru yang menganggotai Umno untuk memburu kedudukan tinggi dengan menggunakan wang ringgit;

- * Wujudnya sesetengah ahli yang tidak memahami, kurang kefahaman, ataupun sengaja enggan menghayati falsafah serta cita-cita perjuangan parti;

- * Kefahaman terhadap prinsip demokrasi yang cetek;

- * Sifat tamak dan keghairahan merebut jawatan serta politiking tanpa mengambil kira kepentingan parti. Ini adalah seperti kata Mahathir pada 1990, bahawa golongan ahli yang bersikap sedemikian tidak lagi menganggap parti sebagai alat membangunkan masyarakat, sebaliknya sebagai satu wadah untuk memperolehi manfaat diri yang besar;

- * Penyalahgunaan kuasa. Amalan itu dilakukan oleh sesetengah pemimpin untuk menyekat kemasukan anggota baru yang lebih terpelajar dan berwibawa. Ini menyebabkan golongan yang menjadi mangsa, menggunakan wang ringgit untuk memperolehi sokongan dan pengaruh dalam parti.

Amalan itu juga dilakukan oleh sesetengah pemimpin untuk menawarkan keistimewaan kepada ahli demi mempertahankan kedudukan dalam parti; dan * Wujudnya desakan ataupun ugutan secara halus oleh perwakilan terhadap calon yang bertanding dalam keadaan sengit. Jika tidak, perwakilan tidak akan menyokong seseorang calon, walaupun dia mempunyai kelayakan, berwibawa dan mengamalkan tradisi moral yang tinggi.

"Semua faktor terbabit adalah selari dengan punca rasuah yang sering diperkatakan oleh sarjana tempatan asing. Ini termasuklah penyalahgunaan kedudukan dan kuasa, kerendahan tradisi moral dan sikap materialistik yang kian dominan hasil kemajuan ekonomi dalam sesuatu masyarakat," katanya.

Dalam usaha menangani amalan rasuah, Ruhanie berkata pindaan perlembagaan dan peraturan yang lebih tegas sahaja tidak mencukupi, sebaliknya ia perlu dilengkapi dengan pembersihan minda dan pemurnian sikap di kalangan ahli politik di semua peringkat.

Ketua Pembangkang Kit Siang pula menegaskan, usaha membasmi rasuah boleh dicapai dengan berkesan sekiranya wujud kerjasama kebangsaan yang lebih jitu terutama di kalangan kerajaan, badan kehakiman, parti politik, media massa, pertubuhan agama, sektor swasta dan pertubuhan bukan kerajaan.

"Kita tidak mahu amalan rasuah sekarang yang berkonsepkan 'keuntungan lumayan' pada 'risiko yang rendah', berterusan," katanya.

Menurutnya, kejayaan atau kegagalan untuk memerangi rasuah secara mutlak bergantung kepada tiga faktor iaitu kemampuan BPR untuk menangkap 'ikan besar' selain daripada 'ikan kecil', dengan mendakwa sehingga kini belum ada 'seekor pun' 'ikan jerung' ditangkap.

"Faktor kedua ialah kesediaan kerajaan menyediakan akta antirasuah yang lebih tegas dan memberi kuasa lebih besar kepada BPR, di samping hukuman lebih tegas ke atas mereka yang didapati bersalah.

"Ini termasuk merampas semua harta yang diperolehi oleh pengamal rasuah.

"Langkah ini adalah untuk memberi isyarat cukup jelas kepada mereka yang di dalam dan luar negara, bahawa Malaysia benar-benar serius untuk memastikan negara ini bersih daripada amalan ini.

"Ketiga ialah pembentukan kerjasama kebangsaan yang menggambarkan perpaduan seluruh rakyat negara ini dalam usaha memerangi rasuah.

"Tugas ini bukan hanya menjadi tanggungjawab kerajaan bahkan turut meliputi seluruh peringkat masyarakat," katanya.

Bekas Pengarah Audit Negara, Tan Sri Ahmad Noordin Zakaria menegaskan bahawa amalan rasuah boleh dielakkan dengan corak pendidikan sejak dari awal lagi.

Menurutnya, sistem kekeluargaan yang rapat dan pendidikan agama yang kukuh adalah asas utama yang boleh menjadikan manusia mengamalkan sikap lebih mulia.

"Dalam Islam, mengukuhkan hubungan persaudaraan adalah penting.

"Keakraban sesama keluarga perlu dikekalkan sepanjang masa dan pertemuan bukan sekadar pada hari raya dan kenduri-kendara," katanya.

Beliau memetik sabda Rasulullah yang bermaksud: "Sesiapa yang lebih mengingini rezekinya bertambah dan berharap usianya dilanjutkan, bermakna dia perlu mengekalkan hubungan rapatnya dengan saudara-maranya."

Ahmad berkata, hubungan rapat ini dapat menimbulkan perasaan hormat sesama manusia dan mencetuskan perasaan malu untuk berbuat sesuatu amalan yang menyalahi undang-undang.

Wartawan veteran, Tan Sri A Samad Ismail pula menganggap ledakan ekonomi yang melanda negara sejak satu dekad lalu mencipta satu keadaan huru-hara yang agak luar biasa, kerana muncul pelbagai peluang dan pelbagai peringkat manusia cuba merebutnya.

"Ini membabitkan mereka yang jujur dan tidak jujur, serta tidak begitu jujur, dan mereka yang benar-benar mengamalkan rasuah tanpa segan silu.

"Jadi siapa yang menang. Pada pendapat saya, adalah adil untuk

mengatakan bahawa menurut persepsi masyarakat, mereka yang jujur sudah pasti tewas dengan teruk," katanya memberi contoh.

Menurutnya, dalam situasi sekarang muncul pendapat bahawa amalan rasuah adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan.

Masyarakat yang menikmati kemakmuran, dan `kita tidak perlu menghiraukannya sangat' dan biarkan ia berterusan begitu.

"Keadaan boleh menjadi lebih ekstrim iaitu di mana mereka yang mengamal rasuah dijulung sebagai wira - malahan dihormati - sedangkan mereka tidak segan silu menyelewengkan kepercayaan orang ramai dalam usaha mengumpul harta untuk kekayaan peribadi.

"Bagi saya, sikap bahawa amalan rasuah sukar dielakkan, malahan kadang kala ia perlu dilakukan - ini adalah satu daripada harga paling mahal yang perlu dibayar oleh sebuah negara yang sedang menikmati kemakmuran seperti Malaysia.

"Saya cuma berharap sikap ini tidak dikongsi oleh majoriti masyarakat negara ini," tegasnya.

Persidangan itu juga sebulat suara menegaskan akta yang lebih tegas diperlukan, dan `jaring' yang digunakan perlu diubahsuai supaya ia jangan hanya memerangkap `ikan bilis' tetapi juga `jerung' yang ganas.

"Buat masa ini jaring BPR tidak mampu untuk memerangkap jerung yang ganas, kerana ia sering berjaya memutuskan jaring untuk melepaskan diri.

"Sesuatu perlu dilakukan kerana ia membabitkan maruah negara," kata aktivis, Datuk Param Cumaraswamy.

Beliau turut mencadangkan supaya satu badan khas dibentuk untuk mengawasi corak kehidupan mereka yang dikaitkan dengan rasuah, terutama pegawai kerajaan yang mempunyai kuasa.

"Mana-mana pegawai kerajaan, sepatutnya mempunyai bentuk kehidupan yang bersesuaian dengan taraf dan gaji yang diterima, dan sekiranya didapati mereka menikmati kehidupan jauh lebih mewah daripada kemampuan sebenar atau gaji yang sepatutnya diperolehi, jika gagal memberi penjelasan munasabah, mereka perlu didapati bersalah mengamalkan rasuah," katanya.

Panel persidangan sehari itu juga sependapat bahawa tindakan memerangi rasuah negara ini jangan seperti: "Kilat sudah sabung menyabung, petir sudah berdentum, tetapi hujannya sekadar gerimis di tengah hari."

(END)